



**WAN NOR ZADILAH**

B.A. Bahasa Arab & Komunikasi,  
Universiti Sains Islam Malaysia

V.I.P

#### DOA:

Elak Rasa Lemah

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ  
وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَالْهَرَمِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada sifat lemah, malas, pengecut, kedekut, mensia-siakan usia serta seksa azab kubur. (Riwayat Muslim)

**T**ida siapa pun menafikan akan selalu bersemangat apabila diberi penghargaan atas kebolehan diri dan apa yang diusahakan. Diri menjadi positif sehingga sanggup berusaha sehabis upaya lebih-lebih lagi tatkala menjadi individu kepercayaan atau menjadi harapan orang lain. Situasi sebegini kebiasaannya menatijahkan kita untuk membangunkan diri dengan sendiri. Kita rasa diri mampu!

Subhanallah. Hebat bukan kuasa perkataan 'mampu' ini? Hebat juga pengaruh kepercayaan orang lain kepada diri kita. Memang kita akan sentiasa ingin bertindak maju dan tidak lemah semangat. Oleh itu, selalulah biasakan diri dengan perkataan ini.



# LUAR BIASA HASIL MENCABAR DIRI

#### KITALAH HARAPAN!

Ya, harapan menghidupkan nilai hidup kita. Kita akan sentiasa berfikir ke hadapan apabila berasa ada harapan tersebut. Binalah harapan yang baik-baik sahaja.

Dalam al-Quran sendiri, terlalu banyak ayat-Nya yang menggunakan uslub atau pendekatan yang berbentuk harapan. Allah s.w.t. sangat berharap agar kita menjadi yang baik, bertakwa, bersyukur, berjaya dan sebagainya. Oleh itu, kita perlu menanam harapan! Harapan yang

disulahi dengan iman.

Namun harapan yang baik tidak datang dengan sikap duduk bersahaja atau berpeluk tubuh. Oleh itu, cabarlah diri sendiri. Mengapa? Kerana mencabar diri ada kalanya lebih baik daripada bertindak kerana dicabar oleh orang lain.

Mencabar diri sendiri lebih menghadirkan kepuasan berbanding dicabar kerana berasa persaingan. Jangan tindakan kita hari ini hanya kerana insan, bukannya semata-mata



Mukmin yang kuat lebih baik dan disukai Allah berbanding Mukmin yang lemah.

### KENAPA PENTINGNYA MENTALITI MAMPU?

- 1 Agar tidak lepas tangan**  
Selalunya kita ambil peduli dengan apa yang diamanahkan seperti kerja-kerja di pejabat atau tugas kuliah. Pasti kerja sendiri menjadi lebih prioriti. Rasakan kerja dakwah juga sebagai tanggungjawab prioriti. Kerja dakwah bukan pilihan, sebaliknya kemestian.
- 2 Agar tidak bertangguh**  
Apabila tidak berasa ada tanggungjawab, kita tidak akan bersegera menyiapkan apa jua yang ditugaskan. Bukan kerja kita, jadi biarlah orang lain yang selesaikan. Selalunya itulah alasannya.
- 3 Agar tidak lebihkan diri sendiri**  
Kekurangan kita adalah apabila kurang mengenal masyarakat sendiri. Jika belum mampu menyayangi orang lain seperti menyayangi diri sendiri, masih ada kurangnya itu. Kita perlu elakkan untuk prihatin dengan cerita sendiri sahaja. Ambil tahu juga hal orang lain agar kita mampu membawa kebaikan bersama-sama.

kerana Tuhan.

Orang biasa selalunya mengharapkan orang lain, tetapi insan luar biasa berfikir sebaliknya. Dia kenal tanggungjawab untuk menjadi harapan kepada orang lain.

Begitulah, rasakan diri kita salah satu harapan untuk membangunkan agama. Jangan harapkan orang lain sahaja. Setiap daripada kita memiliki peranan tersendiri kerana Allah mencukupkan kita sesuai dengan apa yang kita mampu. Rasulullah bersabda :

**Mencabar diri ada kalanya lebih baik daripada bertindak kerana dicabar oleh orang lain. Mencabar diri sendiri lebih menghadirkan kepuasan berbanding dicabar kerana berasa persaingan. Jangan tindakan kita hari ini hanya kerana insan, bukannya semata-mata kerana Tuhan.**

### TARGET VIP

**MAMPU BUKAN DIUKUR DENGAN MASA, TETAPI USAHA.**

### JANGAN TUNGGU NANTI


Bagaimana mencabar diri? Ya, disiplinkan diri untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik. Contohnya, apabila sering hadir mengikuti program, mulakanlah dengan disiplin baharu. Jika sebelum ini kita hanya menjadi pendengar, beranikan pula diri untuk bertanya soalan apabila ada sesi soal jawab dibuka. Biasakan perkara yang nampak seolah-olah biasa.


Paling utama, cabar diri dengan membuktikan diri mampu menjadi lebih baik pada hari ini berbanding semalam. Itulah nilai yang sangat dituntut dalam setiap perkara, bukan?


Ayuh, berbuatlah sekarang. Jangan lagi tunggu hari. Jangan lagi tunggu nanti. Jangan harapkan orang lain. Sebaliknya rasakan diri perlu dan mampu juga untuk memberi sesuatu. Jangan menanti usaha orang lain, tetapi bangunkan diri sendiri terlebih dahulu.

Kita juga selalu beralasan tidak mampu berbuat itu dan ini. Selalu juga mengatakan tidak punya masa. Jika mengatakan tidak punya masa, maka berbuatlah seperti orang yang tidak cukup masa.

Jika masa memang tidak cukup, mengapa berborak kosong kita masih panjang? Mengapa masa keluar bersuka-suka masih ada? Begitu juga, kita jika berasa tidak mampu, apa kata mulakan apa yang ada sedikit demi sedikit dahulu.

Usah tunggu kesempurnaan, kerana kesempurnaan itu terealisasi dengan tindakan yang dinamakan permulaan! 

 facebook.com/wardahSafiah

 zadilah@telagabiru.com.my